KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) mempelawa syarikat yang berdaftar di Malaysia untuk menyertai tender berikut:

Maklumat Tawaran Tender

RUJ. TENDER	TAJUK TENDER	KELAYAKAN TENDER	BUTIR-BUTIR TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
KWAP/01/124/26/09	Cadangan untuk Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mentauliah Pencetak Pelbagai Fungsi *(Multi-Function Printer, MFP)* untuk KWAP	1. Syarikat berdaftar yang mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun pengalaman dalam industri bagi menyediakan perkhidmatan sewaan Pencetak Pelbagai Fungsi *(Multi-Function Printer, MFP)* dan/atau Perkhidmatan Pengurusan Percetakan *(Managed Print Services)*, disokong dengan rujukan projek yang berkaitan bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan dalam tempoh sepuluh (10) tahun yang lalu, dengan setiap perkhidmatan mempunyai nilai kontrak minimum sebanyak RM300,000.00. 2. Syarikat yang merupakan prinsipal, penjual semula yang sah, pengedar atau rakan niaga bagi jenama MFP yang dicadangkan, disokong dengan surat kebenaran yang sah daripada prinsipal atau pengedar, jika berkenaan. 3. Mempunyai pengalaman yang mencukupi sebagai Syarikat yang menyediakan Perkhidmatan Pengurusan Percetakan *(Managed Print Services)* secara menyeluruh, termasuk pemantauan peranti, pelaporan penggunaan, penyelenggaraan pencegahan dan pembaikan, pengurusan bahan guna habis serta sokongan teknikal. 4. Mempunyai modal berbayar sebanyak RM10,000,000.00 dan ke atas.	1 Disember 2026 (Selasa) Maklumat taklimat akan diberikan selepas mendaftar melalui link: https://forms.cloud.microsoft/r/J6dcbF0H6H Atau imbas pautan di QR:	RM500 satu salinan	18 Disember 2026 (Jumaat) pada 4.00 petang

Tarikh dan Masa Jualan

27 November 2026 hingga 11 Disember 2026 Isnin hingga Jumaat (kecuali Cuti Umum)	8.30 pagi - 4.30 petang (Waktu Pejabat sahaja)

i. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil penjual yang diberi kuasa oleh syarikat. Vendor dikehendaki mengemukakan salinan sijil pendaftaran syarikat, profil syarikat dan dokumen-dokumen berkaitan dengan kriteria di atas semasa berurusan membeli Dokumen Tender melalui emel ke ams.procurement@kwap.gov.my.

ii. Bayaran hendaklah di buat atas nama **KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)** dan bayaran bagi Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.

iii. Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau tawaran terendah.

iv. Dokumen Tender yang lengkap hendaklah dihantar mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. **TAWARAN YANG LEWAT DITERIMA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

v. Kenyataan Tawaran Tender ini juga dipapar di laman web kami di https://www.kwap.gov.my/corporate/notice-of-tender/.